



MANDAT PRESIDEN

YBHG. DATO' TPR. FADLUN BIN MAK UJUD
Presiden Perbadanan Putrajaya

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021
DAN ANUGERAH KHIDMAT SETIA
PERBADANAN PUTRAJAYA

Pada 23 Jun 2022 (Khamis)

Dewan Seri Siantan,
Kompleks Perbadanan Putrajaya

1. **Pertamanya saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat kita sama-sama berhimpun pada majlis hari ini bagi meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PPj bagi tahun 2021 dan Anugerah Khidmat Setia kepada warga kerja yang mencapai 20 tahun perkhidmatan di PPj.**
2. **Bila menyebut perkhidmatan 20 tahun mengingatkan saya ketika mula berkhidmat di PPj pada tahun 2000** di mana pada masa itu sebahagian besar kawasan Putrajaya ini masih dipenuhi dengan pokok kelapa sawit dan tapak projek selain hanya beberapa buah bangunan sahaja yang sedang disiapkan termasuk Pejabat Perdana Menteri dan Masjid Putra. Pada masa itu PPj di bawah Presiden yang pertama iaitu Allahyarham Tun Azizan bin Zainul Abidin.
3. Kesemua pegawai yang menerima Anugerah Perkhidmatan Setia pada hari ini dan pada tahun lepas sudah tentunya seperti saya juga telah melalui pengalaman yang sama dan merasa berkhidmat di bawah enam orang Presiden sebelum ini. **Kita perlu sentiasa mengingati dan menghargai jasa kesemua Presiden PPj sebelum ini.**
4. Setiap Presiden PPj yang terdahulu telah memimpin kita dengan cemerlang. **Walaupun setiap di antara mereka mempunyai cara kepimpinan dan penekanan yang berbeza, namun matlamat mereka adalah sama iaitu membawa PPj dan Putrajaya ke arah kecemerlangan.**

5. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan bagi Putrajaya, **tanggungjawab yang kita pikul adalah besar dan mencabar. Di peringkat awal perancangan dan pembangunan Putrajaya dahulu cabarannya adalah untuk merancang dan menyiapkan pembangunan fizikal bandar ini mengikut tempoh fasa yang ditetapkan.**

6. Namun kini situasinya berbeza. **Dengan Putrajaya yang semakin membangun, cabarannya adalah lebih besar termasuklah memenuhi permintaan dan espektasi tinggi *stake holders* dan para pelanggan.** Apatah lagi pada masa ini *stake holders* dan pelanggan kita mula membandingkan Putrajaya dengan bandar-bandar lain seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Johor Bharu dan Shah Alam.

7. Dengan **status Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, *stake holders* dan pelanggan kita adalah pelbagai** termasuk pimpinan Kerajaan, penjawat awam, pelabur, penghuni, pekerja, peniaga, pelawat, pengunjung acara, pelancong, penerima perkhidmatan di Putrajaya, organisasi awam, korporat dan swasta serta NGO. **Selari dengan *tagline* 'OurCityOurHome' yang dihasratkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah kebanggaan dan milik semua rakyat Malaysia.**

8. **Untuk memenuhi espektasi *stake holders* dan pelanggan, PPj perlulah menjadi terbaik.** Untuk PPj menjadi terbaik, kita semua sebagai **warga kerja PPj perlulah menjadi terbaik kepada diri**

sendiri seterusnya menghasilkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

9. Saya sering tekankan bahawa **PPj dan Putrajaya perlu menjadi sebagai penanda aras (*benchmarking*) dalam pelbagai aspek termasuk dalam aspek penyampaian perkhidmatan dan perbandaran**, bukan sahaja kepada PBT lain tetapi juga kepada organisasi serta bandar lain dalam dan luar negara.
10. Justeru saya ingin menyeru kepada warga PPj untuk sentiasa **menjaga disiplin dan integriti sama ada dalam kita menjalankan tanggungjawab di tempat kerja mahupun di dalam kehidupan seharian kita**. Ini kerana **disiplin dan integriti yang tinggi akan memacu kita kepada kejayaan di tahap yang lebih tinggi** dan menjadi penanda aras kepada yang lain.
11. Satu aspek yang sangat penting dalam memastikan disiplin dan integriti kita adalah **penerapan nilai-nilai murni**. Nilai teras seperti **amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan sentiasa bersyukur sepatutnya sentiasa dijadikan sebagai budaya ketika kita bekerja**.
12. Melalui **Skor Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0)** baru-baru ini, **PPj menerima markah sebanyak 83.74%**, di mana markah minimum tanpa intervensi adalah sebanyak **80%**. Berdasarkan kepada peratusan ini, **PPj berada di paras yang memerlukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan nilai dalam organisasi**.

13. Saya juga ingin mengingatkan semua warga PPj agar **sentiasa menjaga imej dan nama baik organisasi kita. Apatah lagi apabila kita memakai atau membawa logo PPj bersama kita.** Kita perlu ingat bahawa **kita sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh para pelanggan khususnya semasa kita sedang bertugas dan menyampaikan perkhidmatan.**

14. **Dalam aspek perbandaran pula antara yang perlu diberi penekanan adalah kebersihan dan penyenggaraan.** Putrajaya sememangnya dikagumi dalam aspek pembangunan fizikalnya yang bertaraf dunia dan menjadi contoh serta rujukan kepada bandar dalam dan luar negara.

15. Namun, setelah lebih 20 tahun Putrajaya dibangunkan, dengan penambahan penduduk, pekerja, pelawat dan pelancong serta keadaan bangunan, fasiliti dan infrastruktur yang telah lama digunakan, **budaya kebersihan dan penyenggaraan perlu diberi lebih penekanan agar Putrajaya benar-benar menjadi contoh sebagai sebuah bandaraya berkelas pertama.**

16. Dalam hal ini, **ianya memerlukan kerjasama dan penglibatan semua pihak khususnya di kalangan warga Putrajaya.** Sebagai salah satu usaha dan inisiatif, PPj akan mewujudkan pasukan sukarelawan kebersihan bagi memantau aspek kebersihan di kawasan Putrajaya.

17. **PPj juga akan mengaktifkan semula grup Whatsapp di kalangan warga PPj yang tinggal di dalam Kawasan Putrajaya yang sebelum ini pernah diwujudkan dan dikenali sebagai Grup 476. Kini ianya akan dinamakan sebagai Precinct Rangers bagi memaklumkan bukan sahaja aspek kebersihan dan penyenggaraan tetapi apa-apa jua perkara yang di bawah tanggungjawab PPj sebelum ianya boleh menimbulkan aduan awam di kawasan kejiranan mereka khususnya dan kawasan Putrajaya amnya.**

18. Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi tahniah bukan sahaja kepada 69 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 45 penerima Anugerah Perkhidmatan Setia yang diraikan pada majlis ini tetapi juga kepada kesemua warga kerja PPj yang telah memberikan perkhidmtan terbaik dan cemerlang selama ini.

19. **Semoga kita sama-sama akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kita ke tahap yang lebih cemerlang ke arah membawa PPj dan Putrajaya ke puncak kegemilangannya, InsyaAllah.**

Terima kasih.

DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD
Presiden
Perbadanan Putrajaya